

2.3.2 Misi JKR ialah untuk menyumbang kepada pembangunan Negara dengan:

- (a) Membantu pelanggan merealisasikan matlamat dasar dan menyampaikan perkhidmatan melalui kerjasama sebagai rakan kongsi strategik;
- (b) Mempinai proses dan sistem kita untuk memberikan hasil perkhidmatan yang konsisten;
- (c) Menyediakan perkhidmatan pengurusan aset dan projek yang efektif dan inovatif;
- (d) Mengukuhkan kompetensi kejuruteraan sedia ada;
- (e) Membangunkan modal insan dan kompetensi baru;
- (f) Membina hubungan harmoni dengan masyarakat; dan
- (g) Memelihara alam sekitar dalam penyampaian perkhidmatan.

2.3.3 Objektif utama JKR adalah untuk menyerahkan projek yang menepati kualiti, masa dan kos yang ditetapkan.

2.4 Bisnes Utama JKR Malaysia

Bisnes utama JKR adalah seperti berikut:

- (a) Perkhidmatan Perundingan Teknikal
Perkhidmatan yang diberikan oleh JKR untuk mengendalikan aktiviti-aktiviti pengurusan aset bagi merealisasikan projek untuk pelanggan. Aktiviti-aktiviti ini merangkumi perancangan, rekabentuk dan input profesional, perolehan, pengurusan pembinaan, pentadbiran kontrak, pentausahaan dan penyerahan termasuk penyenggaraan.